

ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN ORANG MELAYU LAMA DI MELAKA

NORIZAWATI BT. MAMAT @ YUSOF
96152297

IJAZAH SARJANA MUDA SENIREKA GRAFIK
FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA

SESSI APRIL 2000

ADAT ISTILADAT PERKAHWINAN ORANG MELAYU LAMA DI MELAKA

DISEDIAKAN OLEH :

**NORIZAWATI BT. MAMAT @ YUSOF
96152297**

**Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan
Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, sebagai
memenuhi sebahagian daripada keperluan
Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Grafik**

1. Diperiksa oleh : _____
2. Diperiksa oleh : _____
3. Diluluskan oleh : _____

Tarikh : _____
Tarikh : _____
Tarikh : _____

**DEKAN
FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN**

SESSI APRIL 2000

SINOPSIS

Adat Istiadat Perkahwinan Orang Melayu Lama di Melaka

Masalah Penyelidikan : Tesis ini adalah untuk mengkaji mengenai adat istiadat perkahwinan orang Melayu lama yang diamalkan hingga kini di Melaka . Ia melibatkan kajian mengenai sejarah kedatangan Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang mana kedua-dua adat ini berkait rapat dengan adat perkahwinan orang Melayu lama di Melaka. Kajian ini juga dilakukan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang ke arah perubahan dalam adat perkahwinan di Melaka pada masa kini.

Kesignifikan : Tesis ini pula mempunyai kepentingan dalam mendokumentasikan khazanah kebudayaan bangsa Melayu agar ianya tidak luput dari ingatan bangsa Melayu yang akan datang. Maka dengan penghasilan tesis ini, dapatlah diketahui bahawa masyarakat Melayu pada masa dahulu amat kuat berpegang pada adat yang mana segenap aspek dalam adat disusun begitu halus dan menarik.

Prosedur : Penulis telah menjalankan pelbagai kaedah dalam menyempurnakan tesis ini. Di antara kaedah yang telah dijalankan ialah menemuramah Dato Sidang Alor Gajah iaitu Haji Latif bin Ali. Temuramah juga turut dijalankan dengan Hajah Zainon bt. Hassan yang melangsungkan perkahwinannya pada zaman pemerintahan British (1937) serta beberapa orang perseorangan juga turut ditemubual.

Kesimpulan : Daripada apa yang telah diperolehi, dapatlah disimpulkan bahawa masyarakat Melayu dahulu amat berpegang kuat pada adat. Tetapi apa yang didapati sekarang, amalan masyarakat terhadap adat begitu longgar dan mula terhakis oleh arus permodenan dan semangat keislaman.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, tesis ini dapat disiapkan meskipun terdapat pelbagai halangan yang terpaksa ditempuhi. Halangan-halangan tersebut dijadikan sebagai pedoman untuk terus berusaha menyiapkan tesis ini dengan lebih sempurna.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada ayahanda dan bonda serta adik tersayang, kerana tidak jemu memberikan semangat serta dorongan yang tidak berbelah bahagi dalam mengejar cita-cita yang diimpikan.

Ribuan terima kasih juga kepada En. Raja Azmeer selaku penasihat tesis yang tidak jemu-jemu memberikan tunjuk ajar, ribuan terima kasih jua kepada para pensyarah yang terlibat, En. Ahmad Rashidi, En. Shahrul Azman, En. Wan Zulkifli dan Cik Azian.

Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan yang tidak lokek untuk menghulurkan bantuan, sama-sama menghadapi susah dan senang. Terima kasih diucapkan kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, memberikan kerjasama yang sangat-sangat dihargai. Terima kasih istimewa untuk Ita, Kak Syrean dan Miza. Semoga kita sama-sama beroleh kejayaan yang diimpikan....

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Halaman Pemeriksa	i
Sinopsis	ii
Penghargaan	iii
Isi Kandungan	iv - ix
Senarai Illustrasi	x
Senarai Responden	xi - xv
Adat Istiadat Melayu	xvi

BAB 1 - PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Hipotesis	2
1.3 Tujuan	3
1.31 Masalah Penyelidikan	3
1.4 Kesignifikan Penyelidikan	4
1.5 Kaedah dan Prosedur	4 - 5
1.51 Skop kajian	6
1.6 Metodologi	6
1.61 Kaedah Pengumpulan Data Dan Maklumat	7
1.62 Data sekunder	7
1.63 Data Prima	7
1.64 Temubual	8
1.65 Lawatan	8 - 9
1.7 Penutup	10